

# an Hari Pekerja Peringkat Kebangsaan



Najib bersama penerima anugerah pekerja pada sambutan Hari Pekerja peringkat Kebangsaan 2016 di Dewan Tun Razak, PWTC, Kuala Lumpur, semalam.

# Gaji minimum baharu dilaksanakan 1 Julai

BH  
2/5/16  
MLS 5

➔ Kerajaan turut pertimbang pelaksanaan SIP tambah baik perlindungan sosial pekerja

**Oleh Hazwan Faisal Mohamad dan Nur Fatim Mohd Satar**  
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

**D**atuk Seri Najib Razak mengumumkan kadar gaji minimum pekerja sektor swasta ditetapkan pada kadar RM1,000 di Semenanjung dan RM920 sebulan di Sabah, Sarawak serta Labuan yang berkuat kuasa pada 1 Julai depan.

Perdana Menteri berkata, kadar gaji minimum baharu itu menunjukkan peningkatan sebanyak RM100 atau 11 peratus di Semenanjung dan RM120 (15 peratus) bagi Sabah dan Sarawak.

Pengumuman pada perhimpun-

nan Sambutan Hari Pekerja Peringkat Kebangsaan 2016 semalam itu adalah antara enam tindakan untuk melahirkan golongan pekerja yang lebih berdaya saing dalam menggerakkan ekonomi negara ke tahap yang lebih tinggi.

Najib berkata, kerajaan juga sedang mempertimbangkan pelaksanaan Sistem Insurans Pekerja (SIP) untuk menambah baik perlindungan sosial pekerja dan memudahkan cara pihak majikan menjalankan perniagaan.

“Perkara ini sedang dirumus secara terperinci melalui perbincangan dengan pihak majikan, pekerja serta pelbagai pihak berkaitan.

“SIP sedang rumus butirannya, tetapi ia adalah perkongsian antara tanggungjawab majikan dan pekerja, butirannya akan diumumkan

selepas selesai proses pertemuan dengan semua pihak,” katanya pada perhimpunan bertemakan Pekerja Berkemahiran Penggerak Ekonomi di Dewan Tun Razak, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), semalam.

### Bantu pekerja diberhentikan

Najib berkata, SIP juga bertujuan membantu pekerja yang diberhentikan dengan menampung perbelanjaan mereka dalam tempoh mencari pekerjaan lain selepas diberhentikan.

Ia juga menyediakan perkhidmatan kaunseling pekerjaan bagi meningkatkan peluang untuk pekerja yang diberhentikan mendapat pekerjaan yang sesuai.

SIP turut tersenarai dalam enam tindakan itu bertujuan memper-

kasa jaringan keselamatan sosial melalui pelaksanaan aplikasi mudah alih, i-Perkeso dan cadangan pelaksanaan SIP.

### Antara tindakan lain ialah:

➔ Meningkatkan kemahiran tenaga kerja sedia ada dengan terus menyediakan kemudahan pinjaman kepada pekerja yang berhasrat meningkatkan kemahiran, sama ada melalui program peningkatan tahap kemahiran, latihan semula kelahiran atau latihan kemahiran baharu.

➔ Menambah baik undang-undang perburuhan dan amalan perhubungan perusahaan.

**Untuk komen**  
e-mel ke bhnews.bh.com.my atau di laman Facebook BH Online